



جَبَاتَانِ هَالِ اَهْوَالِ اِسْلَامِ نِغْرِيْ سَابَه

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

Tingkat 3, 9 & 10, Blok A, Wisma MUIS,

Beg Berkunci 103, 88737 Kota Kinabalu

Tel.: 088-522222

Faks: 088-239415



Bil.:

BIL.JHEAINS:BPWD:100-4/2 KLT. 2 (06)
01 APRIL 2021 / 18 SYAABAN 1442H

Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah
Semua Pengerusi Masjid / Surau

Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh

Tuan/Puan,

PELAKSANAAN AKTIVITI DI MASJID DAN SURAU KETIKA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) COVID-19 BERKUATKUASA PADA 12 APRIL 2021 HINGGA TARIKH YANG AKAN DIMAKLUMKAN NANTI

Dengan hormatnya saya merujuk Kenyataan Mufti Negeri Sabah Bil. PMNS:600-4/1 Jilid 10 bertarikh 01 April 2021M / 18 Syaaban 1442H berhubung dengan perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, **Jabatan ini** berbesar hati memanjangkan ketetapan kebenaran pelaksanaan aktiviti-aktiviti di masjid dan surau di seluruh negeri Sabah ketika Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) khususnya ketika **Bulan Ramadhan** berkuatkuasa pada 12 April 2021M / 29 Syaaban 1442H seperti berikut:-

2.1 Aktiviti di masjid dan surau dibenarkan untuk melaksanakan solat berjemaah lima waktu dan solat Jumaat di semua zon negeri Sabah.

2.2 Bilangan jemaah solat lima waktu dan solat Jumaat di masjid dan surau adalah mengikut kapasiti masjid dan surau dengan mengambil kira penjarakan fizikal 1 meter.

2.3 Aktiviti masjid dan surau sepanjang bulan Ramadhan yang dibenarkan adalah:

- i) Solat Tarawih, bilangan rakaat adalah 8 rakaat dengan bacaan surah (surah lazim) atau ayat pendek.
- ii) Bilangan jemaah mengikut kapasiti keluasan masjid dan surau dengan penjarakan fizikal 1 meter.
- iii) Tazkirah ditiadakan sepanjang pelaksanaan solat sunat Tarawih.
- iv) Jamuan berbuka puasa dan jamuan sahur di masjid dan surau adalah tidak dibenarkan kecuali kepada 12 orang AJK Masjid/Surau sahaja;
- v) Moreh adalah dibenarkan secara berbungkus sahaja; dan
- vi) Tadarus dan khatam al-Quran, Qiamulail dan iktikaf di masjid dan surau hanya dibenarkan kepada 12 orang AJK Masjid/Surau sahaja;


“SABAH MAJU JAYA”

PELAKSANAAN AKTIVITI DI MASJID DAN SURAU KETIKA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) COVID-19 BERKUATKUASA PADA 12 APRIL 2021 HINGGA TARIKH YANG DIMAKLUMKAN KELAK BIL.JHEAINS:BPWD:100-4 KLT 12 (06) 01 APRIL 2021 / 18 SYAABAN 1442H

- 2.4 Program dan aktiviti anjuran jabatan dan agensi agama negeri dibenarkan dilaksanakan di masjid dan surau seperti kaunter amil zakat, agihan bantuan zakat dan sebagainya dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) sedia ada.
 - 2.5 Semua masjid dan surau yang berkenaan hendaklah melaksanakan semua garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang berkuatkuasa dan yang telah ditetapkan oleh pihak berwajib.
3. Kebenaran aktiviti solat lima waktu dan solat Jumaat ini telah mengambil kira *Maqasid al-Syar'ieyyah* dan laporan terkini pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah mengenai kepatuhan masyarakat Islam terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) yang berkaitan.
4. Sehubungan dengan ini, mohon tuan/puan untuk menyelaraskan pematuhan keputusan tersebut. Kepada Allah SWT jua kita berserah.

Sekian dan harap maklum.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATUK USTAZ HAJI SAIFULZAMAN BIN SANGUL)
Pengarah
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

s.k:

1. YB. Datuk Haji Mohd. Arifin bin Mohd. Arif
Menteri Tugas-Tugas Khas
Pejabat Menteri Tugas-tugas Khas
Tingkat 29, Blok A
Bangunan Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
88400 LIKAS, KOTA KINABALU
2. YB Datuk Seri Panglima Sr Hj Safar Untong
Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
Jabatan Ketua Menteri,
Tingkat 28, Blok A, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Sulaman, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU, SABAH
3. YBhg Datuk Seri Panglima Yang Di-Pertua MUIS
Tkt 5, Blok A, Wisma MUIS
Peti Surat No. 11666
88818, KOTA KINABALU
4. Sohibus Samahah Datuk Mufti
Kerajaan Negeri Sabah,
Tkt 21, Blok A, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Sulaman, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU, SABAH
5. YBhg Pengarah Keselamatan Negeri
Majlis keselamatan Negeri, Negeri Sabah
Jabatan Perdana Menteri
Aras 5, Blok B ,Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
88400 KOTA KINABALU, SABAH

"SABAH MAJU JAYA"